



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

KK/BP/DS (S)10/79/28(S.K.1/2017)(7)

14 Disember 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

BAYARAN KHAS *CONTRACT FOR SERVICE* TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bayaran Khas *Contract For Service* kepada individu *contract for service* sebanyak RM500. Sehubungan itu, individu *contract for service* yang telah memberi khidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak menerima Bayaran Khas *Contract For Service*.

3. Pesara Perkhidmatan Awam yang berkhidmat secara *contract for service* layak menerima Bayaran Khas *Contract For Service* pada kadar RM500 tertakluk pegawai telah memberi khidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018. Pembayaran sebanyak RM250 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250 akan dibayar oleh Jabatan baharu individu *contract for service* bertugas.

4. Individu *contract for service* yang menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan sebelum tamat tempoh kontrak pada 7 Jun 2018 tidak layak menerima Bayaran Khas *Contract For Service*. Bayaran Khas *Contract For Service* ini hanya diberikan kepada individu *contract for service* warganegara Malaysia sahaja.

5. Bayaran Khas *Contract For Service* ini akan dibayar pada 7 Jun 2018.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia